

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN
MOHAMED (JELI)**

SOALAN NO. 318

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan setakat manakah kemajuan yang dicapai sehingga kini dalam mengkaji insentif yang diberikan kepada pelabur asing dan pelabur tempatan. Apakah insentif yang akan diperkenalkan bagi memastikan ianya benar-benar dapat menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi.

JAWAPAN

1. Kementerian sentiasa memantau dan mengkaji keberkesanan insentif sedia ada serta merancang insentif-insentif baharu bagi memastikan ianya kekal relevan dan berdaya saing dalam usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam negara. Kerajaan juga berusaha memperkukuhkan aspek pemantauan bagi memastikan kesan limpahan pelaburan serta impaknya dapat dinikmati oleh golongan sasaran khasnya dan rakyat amnya.

2. Secara dasarnya kajian insentif ini perlu mengambil kira halatuju dan fokus agenda pembangunan ekonomi dan industri negara selain daripada keperluan dan trend industri terkini. Pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengkaji secara komprehensif insentif yang ditawarkan kepada pelabur asing dan tempatan. Ini termasuklah:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Reformasi Cukai (*Tax Reform Committee*) pada September 2018 bagi mengkaji sistem percukaian negara secara menyeluruh dan menjadikannya lebih efisien, lebih neutral dan lebih progresif bagi membantu memacu pertumbuhan ekonomi berkualiti tinggi. Jawatankuasa ini bertanggung jawab

mengenal pasti dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan sistem percukaian yang lebih progresif dan berkesan. Ini termasuklah mengkaji semula layanan cukai dan insentif sedia ada di bawah pelbagai perundangan bagi memastikan ianya relevan dan dapat mengurangkan ketirisan hasil;

(ii) Sehubungan ini, bagi memastikan semua insentif cukai kekal relevan dan tiada pertindihan, Kerajaan akan melaksanakan kajian menyeluruh ke atas lebih 130 jenis skim insentif pelaburan sedia ada yang dikendalikan oleh lebih 30 agensi promosi pelaburan;

(iii) Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang diumumkan pada Oktober 2018 memberi keutamaan dan penekanan baharu, bertujuan untuk mereformasi dasar sedia ada dan menggariskan sasaran sosiekonomi yang disemak semula bagi tempoh 2018 hingga 2020. Antara langkah reformasi ini adalah seperti menambah baik tadbir urus, mempercepat inovasi, melonjak produktiviti dan meningkatkan industri dalam rantai nilai yang lebih tinggi. Ini termasuklah penambahbaikan sistem percukaian dan insentif yang lebih progresif dan berkesan;

(iv) Kajian *“Productivity-Linked Incentives for Manufacturing Sector in Malaysia”* di bawah *Malaysia Productivity Blueprint (MPB)*. Inisiatif ini yang juga merupakan penekanan baharu di bawah tonggak utama Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) adalah bertujuan untuk mengkaji penggunaan pengukuran produktiviti tertentu sebagai kriteria/syarat dalam pemberian insentif cukai/geran/pinjaman mudah bagi sektor perkilangan. Dengan wujudnya pengukuran baru ini, lebih banyak mekanisma insentif akan dibentuk bukan sahaja untuk menarik pelaburan yang berkualiti, tetapi juga untuk mempromosikan minda produktif yang ditetapkan pada pelaburan ke arah penggunaan automasi, pengurangan pergantungan pekerja asing dan pembangunan pekerjaan berkemahiran tinggi; dan

(v) Kerajaan juga telah memulakan proses merangka dan menyediakan Pelan Induk Perindustrian Baharu atau dengan izin *New Industrial Master Plan* iaitu bagi tahun 2021-2030. Adalah amat penting bagi Kerajaan untuk mengkaji penilaian pencapaian, isu dan cabaran bagi pelan perindustrian sebelumnya iaitu Pelan Induk Perindustrian Ketiga atau *Third Industrial Master Plan (IMP3)* yang akan tamat pada tahun 2020. Ini akan membolehkan Kerajaan merangka halatuju dan strategi baharu di bawah pelan induk perindustrian baharu ini termasuklah mengkaji insentif pelaburan sedia bagi menyokong halatuju dan fokus pembangunan perindustrian di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu tersebut.

3. Dalam usaha merencanakan pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai insentif baharu yang berkisar kepada trend mega terkini bagi menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi. Antaranya adalah seperti berikut:

(i) Inisiatif-inisiatif baharu di bawah Bajet 2019 yang bersandarkan pelan tindakan Dasar Nasional Industri 4.0, atau *Industry4WRD* untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama pelaburan industri berteknologi tinggi. Kerajaan telah memperuntukkan RM210 juta bagi tahun 2019 hingga 2021 bagi inisiatif-inisiatif di bawah *Industry4WRD* seperti:

- Insentif bagi program *Industry4WRD Readiness Assessment*;
- *Industry4WRD Intervention Fund*;
- Perluasan skop sedia ada Dana Strategik Pelaburan Tempatan atau *Domestic Investment Strategic Fund (DISF)* dengan izin, bagi aktiviti-aktiviti berkenaan dengan Industri 4.0;
- Perluasan skop sedia ada Dana Berimpak Tinggi atau *High Impact Fund (HIF)* dengan izin bagi merangkumi aktiviti pemodenan berkaitan dengan Industri 4.0;
- Insentif bagi Program Pembangunan Vendor atau *Vendor Development Programme (VDP)* dengan izin;

NO SOALAN 318

- Insentif bagi Program *High Speed Broadband (HSBB)*; dan
 - Pelbagai potongan cukai yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia dan latihan bagi Industri 4.0.
- (i) Dana *Digital Transformation Acceleration Program (DTAP)* dengan izin, yang dibangunkan sebagai satu kemudahan baharu bagi mengukur tahap kesediaan digital bagi syarikat-syarikat tempatan untuk bersedia menempuhi perubahan digital global. Program ini menyediakan pendekatan berstruktur bagi syarikat yang berkelayakan untuk mengadaptasi '*digitalisation*' dengan sokongan daripada dengan izin, *Digital Transformation Labs (DTLs)*. Geran DTAP ini ditawarkan kepada syarikat tempatan bagi memulakan transformasi digital dalam skala '*pilot project*', dengan izin. Geran DTAP merupakan fasilitasi yang berstruktur bagi memastikan syarikat dengan bantuan DTLs, mengenal pasti kekangan untuk berkembang ke arah '*digitalisation*' dan seterusnya meningkatkan produktiviti, mengurangkan kebergantungan pekerja asing dan mengenal pasti '*new growth areas*' dengan izin;
- (ii) Dana Transformasi Pendigitalan Industri atau dengan izin, *Industry Digitalisation Transformation Fund (IDTF)* dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion yang akan diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Bhd (BPMB). Dana ini menawarkan pinjaman dengan subsidi bunga sebanyak 2% setahun kepada syarikat-syarikat yang ingin membiayai sebahagian projek atau kontrak berkaitan teknologi digital dan pembiayaan itu serta ditawarkan kepada syarikat teknologi atau pembuatan untuk menerima guna teknologi dalam usaha mempertingkatkan operasi masing-masing. Dana ini juga terbuka kepada syarikat yang mahu mendapatkan bantuan kewangan bagi membangunkan infrastruktur berkaitan penerimgunaan teknologi; dan
- (iii) Pembiayaan alternatif lain seperti peruntukan sebanyak RM50 juta di bawah Bajet 2019 untuk menubuhkan *Co-Investment Fund* bagi pelaburan bersama pihak swasta melalui ekuiti

crowdfunding dan pembiayaan *peer-to-peer*. Kerajaan berharap dengan kerjasama entiti-entiti ini dapat memberi pelbagai alternatif dan peluang kepada syarikat-syarikat yang mempunyai sumber pembiayaan terhad dalam aktiviti pelaburan.

4. Kerajaan sentiasa mengkaji secara komprehensif dan menambah baik dasar-dasar insentif serta memperkukuhkan kemudahan pelaburan agar lebih menarik dan lebih kompetitif serta mampu bersaing khususnya dengan negara-negara lain di rantau ini. Kerajaan juga berusaha memastikan setiap insentif adalah bersasar, berasaskan masa dan relevan seiring dengan kemajuan teknologi dan inovasi bagi memastikan penggunaan sumber yang optimum di negara ini.

5. Namun begitu, Kerajaan ingin menekankan bahawa pemberian insentif bukanlah merupakan '*primary tools*' untuk menarik pelaburan dari dalam dan luar negara. Dalam menarik pelaburan, Kerajaan menggunakan *ecosystem approach* yang merangkumi kesemua *enablers* lain seperti kestabilan politik, kemudahan infrastruktur, dasar-dasar kerajaan yang telus dan ketersediaan modal insan. Pendekatan ini merupakan kaedah terbaik untuk mengekalkan para pelabur kerana ekosistem yang mampan merupakan magnet yang kuat untuk syarikat-syarikat terus kekal beroperasi dan mengembangkan perniagaan mereka di Malaysia.

Sekian, terima kasih.